

Lumayan dengan lukisan seramik

Kelopak Gallery angkat martabat Malaysia pada peringkat global





ELIAU adalah anggota Pertubuhan Pelukis Porselin Perabangsa (PPIO) termasuk dalam Senarai Pelukis Tembikar Dunia, selain daripada berkhidmat sebagai guru bersekolah oleh International Ceramic Artists and Potters, Inc (IPAT) bersekolah di Dallas, Amerika Syarikat (AS). Beliau adalah seorang artis seni beliau yang berkecimpung dalam perindustrian pada peringkat antarabangsa, antaranya dalam Persekitaran Antarabangsa Seni dan Tembikar Selatan (SAITEX) di Virginia, Pameran Seni dan Perkakasan Antarabangsa (IHHE) di Chicago, Pertunjukan Seni dan Tembikar Antarabangsa (FIGS) di Jepun, Asia-Japan Centre (AJC) di Kyoto dan Ambiente di Frankfurt, mendapat pujian dan penghargaan yang mengatakan bahawa beliau adalah seorang perintis dalam menghasilkan porselin berkualiti tinggi dari Itali.

Beliau yang dimaksudkan adalah Norehan Kassim, 49, pemilik dan pengasas Kelopak Gallery yang ditubuhkan pada awal 2003 dengan dua orang rakan.

Beliau menawarkan kursus latihan seni dan perabang merangkumi antara lain lukisan seramik dan tembikar porselin yang terbuka kepada pelbagai golongan masyarakat dari dalam dan luar negara.

Beliau mahu khusus kepada golongan yang tidak lagi bersekolah dengan beliau melatih mereka untuk menjadi pelukis seramik



“Saya melihat industri seramik ini berpotensi dikembangkan, malahan boleh maju seperti industri batik sekiranya mendapat sokongan padu kerajaan mahupun swasta”

Norehan Kassim

Pemilik dan pengasas Kelopak Gallery

NOREHAN menitik beratkan bagi memastikan hasil kerja tarikan universal.

profesional.

Antara badan yang mengiktiraf beliau adalah Kelopak Gallery ialah Institut Latihan Perindustrian, Kolej Tinggi MARA, Melaka dan pengusaha seramik Sarawak anjuran MARA dan SIRIM.

“Ada suri rumah yang datang dari luar negara seperti Hyderabad, India mengikuti kursus jangka pendek. Kemahiran dan teknik yang dipelajari dibawa mereka pulang untuk memulakan industri lukisan porselin secara kecil-kecilan di kampung asal,” katanya.

Kedua, mengambil tempahan melukis porselin dan seramik daripada korporat dan individu.

Tempahan terbesar diterima daripada Okumura, pengeluar dan pembekal komponen pendingin hawa berpangkalan di Jepun.

Norehan melukis 100 keping pinggan seramik yang dijadikan Okumura sebagai cenderahati kepada pelanggan dan

rakan niaga.

Harga minimum satu lukisan pada pinggan porselin boleh mencecah RM1,500 seunit bergantung kepada kerumitan penghasilan seni.

Pembabitan Norehan dalam cabang usaha ini bukan dirancang daripada awal. Ia malahan tiada kaitan dengan bidang pengajian sebelum ini.

Kerja pertama Norehan selepas tamat pengajian ialah dalam bidang pengiklanan, tetapi ia hanya bertahan tidak sampai setahun kerana minat sebenar terletak dalam bidang berkaitan kreativiti dan kesenian.

Beliau kemudian mendapat kontrak reka bentuk dalaman untuk pangsapuri khidmat di Awana Kijal Genting Resort.

Pendapatan daripada projek berkenaan digunakan sebagai modal awal sebanyak RM180,000 memulakan kerja melukis seramik, yang mana

FAKTA NOMBOR

RM1,500

nilai

Harga minimum lukisan pada pinggan porselin

100

biji

pinggan seramik dilukis Norehan untuk pengeluar Okumura

RM180,000

nilai

Modal awal Norehan memulakan kerja melukis seramik

sebelum ini beliau mengikuti kursus melukis dan membuat seramik dari IPAT, Texas.

Seperti ahli seni berdedikasi lain, Norehan bukan saja memiliki bakat kreatif tetapi kepakaran teknologi yang berupaya menguasai warna serta tekstur.

Beliau sering kali mengingatkan mereka di sekeliling akan keperluan untuk terus belajar dan mengkaji sesuatu yang baru dan tidak berputus asa sekiranya sesuatu teknik itu tidak menjadi.

Hasil seni beliau mula mendapat perhatian, khususnya menerusi rancangan di televisyen dan liputan media cetak.

Rombongan perdagangan MATRADE ke Pameran Antarabangsa AFC di Jepun dan lawatan ke Royal Doulton di Stoke-on-Trent, England dengan MECD yang disertai memberi lebih pendedahan.

“Saya melihat industri seramik ini berpotensi dikembangan,

malahan boleh maju seperti industri batik sekiranya mendapat sokongan padu kerajaan mahupun swasta.

“Tiada tokoh mahu tampil mempromosi seramik Malaysia di luar negara, tidak seperti batik dulu ada Allahyarhamah Datin Seri Endon,” katanya.

Sarawak, katanya memiliki tanah liat berkualiti tinggi tetapi tiada usaha besar-besaran dibuat menarik pelabur ke sana.

“Dua tahun lalu Royal Doulton yang berhadapan masalah kewangan memindahkan operasinya ke Indonesia dan China. Sayang sekali mereka tidak ke sini,” katanya

Norehan memberi contoh antara potensi perniagaan dalam bidang itu ialah mendapatkan tempahan untuk melukis jubin, sinki, mangkuk tandas untuk hotel mewah dan juga melukis untuk cenderahati.

Kelopak Gallery kini bertempat di Inkubator Satelit SIRIM di Shah Alam.



PELBAGAI rekaan corak gubahan lukisan seramik yang sedia untuk dipasarkan.



MANTAN Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut tertarik dengan hasil kerja Kelopak Gallery di pelancaran Gerak Usahawan Nasional di PWTC satu ketika dulu.



pilihan warna
memiliki daya



LUKISAN pada mangkuk tandas
mendapat permintaan daripada
pengusaha hotel lima bintang.

BIODATA

Norehan Kassim

- Sekolah Menengah Sultanah Aminah, Alor Setar
- Washington University - Sarjana Muda Sains Herbal (1986)
- Certified International Porcelain Artists & Teachers Texas (IPAT)(2007)

